



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN PERKONGSIAN LIABILITI
TERHAD**

KETETAPAN UMUM NO. 8/2022

TARIKH PENERBITAN: 23 DISEMBER 2022



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua pada 14 Ogos 2015

Edisi pertama pada 9 Mei 2014

© 2022 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Perkongsian Liabiliti Terhad	2
5. Sumbangan Modal Pekongsi	5
6. Perbezaan antara Perkongsian Liabiliti Terhad, Perkongsian dan Syarikat	6
7. Pegawai Pematuhan Perkongsian Liabiliti Terhad	7
8. Pertukaran Perkongsian atau Syarikat kepada Perkongsian Liabiliti Terhad	8
9. Pertukaran Pekongsi dalam Perkongsian Liabiliti Terhad	9
10. Layanan Cukai ke atas Perkongsian Liabiliti Terhad	9
11. Layanan Cukai ke atas Pekongsi Perkongsian Liabiliti Terhad	23
12. Kredit Dua Belah Pihak dan Kredit Sebelah Pihak	24
13. Pindaan dan Pengemaskinian	24
14. Penafian	25

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai ke atas perkongsian liabiliti terhad.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, perenggan 8(1A)(a) dan (b), seksyen 21A, perenggan 39(1)(n), subseksyen 44(5E), seksyen 75B dan 77A, perenggan 103(12)(a), seksyen 107C, perenggan 2(f), 2D, 2E dan 2F Bahagian I Jadual 1, perenggan 38B, 75AA dan 76A Jadual 3 dan perenggan 12C Jadual 6 dan juga Perkongsian Terhad Labuan di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (LBATA) 1990.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Bertukar dari perkongsian atau syarikat kepada PLT” bermaksud suatu pemindahan hak milik harta, kepentingan, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan perusahaan perkongsian atau syarikat.
- 3.2 “Kumpulan orang” bermaksud suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (bukan suatu syarikat) termasuklah suatu koperasi, kelab, persatuan, amanah dan Keluarga Sekutu Hindu tetapi tidak termasuk perkongsian.
- 3.3 “Perkongsian liabiliti terhad (PLT)” bermaksud perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743] (APLT).
- 3.4 “Perkongsian” ertinya apa-apa jua jenis persatuan (termasuk duga niaga bersama, sindiket dan hal di mana suatu pihak dalam persatuan adalah sendirinya suatu perkongsian) antara pihak-pihak yang telah bersetuju untuk menggabungkan mana-mana daripada hak, kuasa, harta, tenaga atau kemahiran mereka bagi maksud menjalankan suatu perniagaan dan berkongsi keuntungan daripadanya, tetapi tidak termasuk keluarga sekutu Hindu sungguhpun keluarga itu boleh jadi seorang pekongsi dalam suatu perkongsian, perkongsian liabiliti terhad atau mana-mana persatuan yang ditubuhkan mengikut satu skim pembiayaan bersesuaian dengan prinsip Syariah.

- 3.5 “Orang” termasuklah suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.

4. Perkongsian Liabiliti Terhad

4.1 Penubuhan PLT

- (a) PLT adalah sebuah badan korporat di bawah APLT dan didefinisikan di bawah seksyen 2 ACP. PLT merupakan perniagaan alternatif yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bertujuan untuk memberi pilihan kepada peniaga dan usahawan untuk menjalankan operasi perniagaan supaya lebih kompetitif. PLT merupakan hibrid ciri-ciri sebuah syarikat dan perkongsian yang memberikan liabiliti terhad kepada pekongsi-pekongsinya.
- (b) PLT tempatan atau PLT asing didaftarkan di bawah APLT yang berkuat kuasa mulai 26 Disember 2012 dengan memasukkan perkataan ‘PLT’ di akhir nama perkongsiannya. PLT ditadbir di bawah undang-undang yang berbeza dan mempunyai keperibadian undang-undang (*legal entity*) yang berasingan serta berupaya untuk –
 - (i) membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya;
 - (ii) memperoleh, memiliki, memegang dan membangunkan atau melupuskan harta; dan
 - (iii) melakukan dan menanggung apa-apa perbuatan lain yang boleh dilakukan dan ditanggung dengan sah oleh pertubuhan perbadanan.

4.2 Perjanjian PLT

- (a) Hak dan kewajipan bersama pekongsi PLT serta hak dan kewajipan antara PLT dan pekongsinya ditentukan oleh perjanjian PLT seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 9 APLT.
- (b) Perjanjian PLT hendaklah mengandungi butir-butir berikut –
 - (i) nama PLT;
 - (ii) jenis perniagaan PLT;
 - (iii) pekongsi perkongsian bersetuju untuk menjadi pekongsi PLT;
 - (iv) amaun sumbangan modal oleh setiap pekongsi; dan

- (v) saraan atau bayaran seumpamanya bagi setiap pekongsi.

4.3 Bilangan pekongsi

PLT terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang pekongsi dan tiada had maksimum bilangan pekongsi dalam suatu tempoh masa. Suatu PLT boleh menjalankan perniagaan dengan kurang dari dua orang pekongsi bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

4.4 Penyediaan maklumat dan penyata kewangan

- (a) PLT tidak dikehendaki menyediakan penyata kewangan beraudit oleh juruaudit bertauliah tetapi perlu menyimpan rekod perakaunan yang teratur dan sempurna bagi menunjukkan kedudukan kewangan yang tepat.
- (b) Bagi tujuan cukai pendapatan PLT dikehendaki menyediakan rekod perakaunan lengkap yang mengandungi akaun untung rugi, kunci kira-kira serta nota penerangan kepada akaun berkenaan samada secara fizikal atau elektronik . Walau bagaimanapun jika rekod perakaunan disediakan berbeza dengan format akaun biasa, PLT hendaklah menyimpan rekod berikut selama tujuh tahun :
 - (i) maklumat pekongsi dan pemegang amanah
 - (ii) maklumat pendapatan;
 - (iii) maklumat perbelanjaan;
 - (iv) maklumat penyewaan, pajakan dan pekerja;
 - (v) penyata bank, faedah dan yang berkaitan perbankan;
 - (vi) senarai penghutang dan pemiutang/senarai tanggungan;
 - (vii) senarai semua aset (semasa dan tetap);
 - (viii) peratusan sumbangan modal setiap pekongsi;
 - (ix) nota penerangan kepada perkara (i) hingga (v); dan
 - (x) lain-lain dokumen sokongan bagi membuktikan transaksi perniagaan bagi tujuan cukai pendapatan.

4.5 Penentuan taraf mastautin PLT

PLT mesti memenuhi kriteria tertentu untuk dianggap bermastautin di Malaysia. Subseksyen 8(1A) ACP adalah peruntukan bagi menentukan taraf mastautin berhubung dengan PLT.

(a) PLT yang menjalankan perniagaan

PLT menjalankan perniagaan mengikut perenggan 8(1A)(a) ACP. PLT yang menjalankan perdagangan atau perniagaan adalah bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) jika pada bila-bila masa dalam tahun asas tersebut pengurusan dan kawalan perniagaan atau mana-mana satu perniagaan dilaksanakan di Malaysia.

(b) Lain-lain PLT

Mengikut perenggan 8(1A)(b) ACP, lain-lain PLT bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran jika pada bila-bila masa dalam tahun asas tersebut pengurusan dan kawalan hal ehwalnya dijalankan di Malaysia oleh pekongsi.

(c) Taraf mastautin PLT asing di Malaysia

PLT asing yang mengembangkan aktiviti perniagaan di Malaysia hendaklah mendaftar dengan SSM di bawah APLT. Taraf mastautin PLT asing ditentukan oleh perenggan 8(1A)(a) dan 8(1A)(b) ACP.

(d) Pengurusan dan pengawalan

(i) Pengurusan dan pengawalan adalah faktor utama yang digunakan untuk menentukan taraf mastautin PLT di Malaysia. Pengurusan dan pengawalan merujuk kepada kuasa untuk mengawal yang menentukan dasar yang perlu dipatuhi oleh PLT. Pengurusan dan pengawalan dianggap dijalankan di tempat di mana pekongsi bertemu untuk mengendalikan perniagaan atau urusan PLT tersebut.

Jika pada bila-bila masa dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran sekurang-kurangnya satu mesyuarat pekongsi diadakan di Malaysia berhubung pengurusan dan pengawalan PLT, PLT adalah dianggap bermastautin di Malaysia untuk tahun asas itu (walaupun semua mesyuarat lain diadakan di luar Malaysia).

- ii) Lokasi aktiviti perdagangan atau tempat operasi fizikal tidak semestinya menjadi tempat pengurusan dan pengawalan. PLT yang menjalankan aktiviti perdagangan di Malaysia tidak bermastautin di Malaysia jika didapati –
 - aktiviti perdagangan seperti pembuatan atau pengeluaran dan penjualan dikawal di luar negara; dan
 - mesyuarat pekongsi, pengendalian semua urusan penting dan pengawalan diadakan di luar negara.
- iii) Menurut subseksyen 27(1) dan 46(1) APLT, suatu PLT hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai pematuhan daripada kalangan pekongsinya. Pegawai pematuhan yang dilantik mestilah seorang warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia dan kebiasaannya tinggal di Malaysia. Pegawai pematuhan suatu PLT juga berkeelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat di bawah Akta Syarikat 2016. Walaubagaimanapun, pelantikan pegawai pematuhan tempatan di Malaysia tidak menentukan taraf mastautin PLT. Jika tiada pegawai pematuhan dilantik maka mana-mana pekongsi hendaklah disifatkan sebagai pegawai pematuhan bagi perkongsian liabiliti terhadap itu.

5. Sumbangan Modal Pekongsi

- 5.1 Sumbangan modal oleh pekongsi boleh dalam bentuk tunai dan bukan tunai (seperti aset dan lain-lain) tetapi tidak termasuk pinjaman pekongsi kepada PLT.
- 5.2 Dalam kes di mana sumbangan modal pekongsi kepada PLT dibuat secara ansuran, hanya jumlah yang sebenar telah disumbangkan diambil kira sebagai sebahagian daripada modal. Jumlah yang dipersetujui tetapi belum disumbangkan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada modal.
- 5.3 Dalam kes sumbangan modal dibuat dalam bentuk selain daripada wang tunai, nilai sumbangan adalah nilai pasaran barangan tersebut.
- 5.4 Amaun dan kaedah sumbangan modal setiap pekongsi hendaklah didokumenkan dalam perjanjian PLT.

6. Perbezaan antara Perkongsian Liabiliti Terhad, Perkongsian dan Syarikat

Secara amnya perbezaan antara PLT, perkongsian dan syarikat adalah seperti berikut:

Ciri-Ciri	PLT	Perkongsian	Syarikat
Liabiliti terhad	Ya	Tidak (Pekongsi bertanggung jawab secara bersama dan berasingan)	Ya
Keperibadian undang-undang	Ya	Tidak	Ya
Kekal turun temurun	Ya	Tidak	Ya
Sumbangan modal	Menurut perjanjian	Menurut perjanjian	Langganan kepada saham
Bilangan ahli minima	2	2	2
Bilangan ahli maksima	Tiada had	20	Sdn Bhd – 50 Berhad – Tiada had
Semua ahli terlibat dalam pengurusan	Menurut perjanjian	Menurut perjanjian	Lembaga Pengarah
Peraturan pengurusan dalaman yang <i>standard</i>	Menurut perjanjian	Menurut perjanjian	Diperuntukkan oleh Akta Syarikat 1965 dan/atau memorandum persatuan

Akses kepada kewangan	Pinjaman dan pelaburan daripada pekongsi	Pinjaman dan pelaburan daripada pekongsi	Pemegang saham dan akses kepada pasaran modal
Pulangan	Pembahagian keuntungan	Pembahagian keuntungan	Dividen
Pembubaran oleh perintah mahkamah	Ya	Ya	Ya

7. Pegawai Pematuhan Perkongsian Liabiliti Terhad

7.1 Seksyen 75B ACP memperuntukkan tanggungjawab untuk menjalankan semua tindakan dan perkara yang perlu dilakukan oleh atau bagi pihak PLT bagi tujuan cukai pendapatan di bawah ACP adalah terletak secara bersama atau berasingan ke atas –

- a) pegawai pematuhan yang dilantik dari kalangan pekongsi PLT;
- b) seorang yang berkelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];
- c) jika tiada pegawai pematuhan yang dilantik, salah seorang daripada pekongsi atau kesemua pekongsi; atau-
- d) Mulai 28 Disember 2018, seseorang yang berkelayakan bagi (a),(b) atau (c) mestilah warganegara atau pemastautin tetap Malaysia selari dengan peruntukkan subperenggan 75B(1)(a)(i) ACP.

7.2 Antara tanggungjawab pegawai pematuhan atau pekongsi untuk tujuan cukai pendapatan adalah seperti berikut:

- a) Menyimpan rekod lengkap akaun perniagaan PLT. Bagi perkongsian atau syarikat yang bertukar kepada PLT, akaun atau dokumen bagi perkongsian atau syarikat tersebut masih perlu disimpan oleh PLT untuk tempoh tujuh (7) tahun walaupun entiti berkenaan telah dibubarkan selepas penukaran.
- b) Melengkapkan dan mengemukakan borang nyata cukai pendapatan (BNCP) mengikut seksyen 77A ACP dan pindaan BNCP mengikut seksyen 77B ACP dalam tempoh yang ditetapkan. Mulai TT 2021 suatu PLT adalah diwajibkan mengemukakan BNCP secara e-filing mengikut subseksyen 77A(1A) ACP.

Kaedah ini bagi mengelakkan kesilapan mengisi dan pengiraan cukai pendapatan PLT dalam BNCP.

- c) Mengemukakan anggaran cukai kena dibayar/pindaan anggaran cukai dan membuat bayaran secara ansuran mengikut seksyen 107C ACP.
- d) Memaklumkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) mengenai pertukaran tempoh perakaunannya dengan mengemukakan Borang CP204B dalam tempoh yang ditetapkan (KU No. 7/2011 bertajuk 'Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan Syarikat/Badan Amanah/Koperasi').
- e) Memastikan baki cukai dibayar oleh PLT
- f) Menjalankan apa-apa tanggungjawab di bawah ACP.

Contoh 1

Encik Ali bin Ahmad adalah pegawai pematuhan dan pekongsi kepada Damai Jaya PLT. Notis terakhir di bawah seksyen 78 ACP bagi tahun taksiran 2019 telah dikeluarkan kepada beliau kerana Damai Jaya PLT gagal mengemukakan BNCP.

Jika Encik Ali bin Ahmad gagal mematuhi notis terakhir tersebut, beliau boleh didakwa dan jika disabitkan di mahkamah, beliau boleh didenda atau dipenjarakan di bawah subseksyen 120(1) ACP.

8. Pertukaran Perkongsian atau Syarikat kepada Perkongsian Liabiliti Terhad

8.1 Pertukaran perkongsian atau syarikat kepada PLT mesti selaras dengan seksyen 29 atau 30 APLT dan perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Daripada perkongsian kepada PLT –
 - (i) pekongsi PLT mesti terdiri daripada semua pekongsi perkongsian itu sahaja.
- (b) Daripada syarikat kepada PLT –
 - (i) pekongsi PLT mesti terdiri daripada semua pemegang syer syarikat itu; dan
 - (ii) tiada kepentingan sekuriti dalam asetnya yang wujud atau berkuat kuasa pada masa permohonan itu.

- 8.2 Syarikat tidak boleh bertukar kepada PLT sekiranya masih mempunyai cukai tertunggak dengan Kerajaan. Oleh itu, syarikat dinasihatkan supaya mendapatkan surat penyelesaian cukai daripada KPHDN untuk dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tujuan pendaftaran.
- 8.3 SSM hanya akan meluluskan pertukaran perkongsian atau syarikat kepada PLT jika syarat di perenggan 8.1 dan 8.2 di atas dipatuhi. Untuk tujuan cukai pendapatan perniagaan PLT dianggap sebagai satu perniagaan yang berterusan. Oleh itu nilai setiap perkara dalam kunci kira-kira seperti stok perdagangan, penghutang dan pemiutang pada tarikh pertukaran hendaklah terus digunakan dalam PLT.

9. Pertukaran Pekongsi dalam Perkongsian Liabiliti Terhad

Jika berlaku perubahan pekongsi dalam suatu PLT di mana pekongsi sedia ada berhenti daripada PLT disebabkan persaraan, kematian atau sebab-sebab lain atau pekongsi baru mengambil bahagian dalam PLT tersebut, perubahan tersebut tidak memberi kesan kepada perniagaan PLT dan masih dianggap sebagai satu perniagaan yang berterusan.

10. Pencukaian ke atas Perkongsian Liabiliti Terhad

10.1 Pengenaan Cukai

- a) Pendapatan daripada PLT dikenakan cukai di peringkat PLT di mana Seksyen 2 ACP 1967 mendefinisikan juga 'orang' termasuk PLT. Oleh itu, mana-mana peruntukan dalam ACP, perintah pengecualian dan kaedah-kaedah cukai pendapatan yang terpakai kepada 'orang' akan terpakai juga kepada PLT. Insentif khusus yang diperuntukkan kepada syarikat adalah tidak terpakai kepada PLT. Namun, PLT layak mendapat layanan yang sama seperti syarikat di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP).
- b) Pengenaan Kadar Cukai

Cukai pendapatan hendaklah dikenakan ke atas pendapatan bercukai PLT pada kadar yang diperuntukkan dalam Jadual 1 Bahagian 1 ACP. Walau bagaimanapun, pengenaan cukai bagi PLT yang bermastautin di Malaysia yang mempunyai:

- jumlah sumbangan modal (sama ada dalam bentuk tunai atau barangan) sebanyak RM2.5 juta dan kurang pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan
- pendapatan kasar punca perniagaan tidak melebihi RM50 juta dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran.

umumnya adalah pada kadar sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2D, Bahagian I, Jadual 1, ACP.

Mulai TT 2020, kadar cukai PLT seperti berikut:

Pendapatan Bercukai	Kadar Cukai
Bagi RM 600,000 yang pertama	17%
Melebihi RM 600,000	24%

Kadar cukai di atas tidak terpakai kepada PLT jika lebih daripada-

- (i) lima puluh peratus daripada sumbangan modal (sama ada dalam bentuk tunai atau barangan) secara langsung atau tidak langsung disumbangkan oleh suatu syarikat;
- (ii) lima puluh peratus daripada modal berbayar saham biasa syarikat itu secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh PLT; atau
- (iii) lima puluh peratus daripada sumbangan modal (sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan) PLT dan lima puluh peratus daripada modal berbayar saham biasa syarikat itu secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat lain.

Syarikat yang dirujuk di perenggan 10.1(b)(i) hingga (iii) perlu mempunyai modal berbayar saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas untuk sesuatu tahun taksiran.

10.2 Sekatan potongan berkaitan saraan atau bayaran seumpamanya kepada pekongsi

- (a) Saraan merujuk kepada gaji pokok dan elaun tetap. Saraan tidak termasuk caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) atau insurans. Pada amnya, di bawah subseksyen 33(1) ACP, saraan adalah perbelanjaan yang kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang boleh dibenarkan

di bawah subseksyen 33(1) ACP tertakluk kepada larangan di bawah subseksyen 39(1) ACP.

- (b) Selaras dengan seksyen 9 APLT semua terma dan syarat hendaklah didokumenkan dalam perjanjian PLT sebagai bukti serta asas sesuatu bayaran dibuat. Oleh itu saraan atau bayaran yang seumpamanya yang dibayar kepada pekongsi PLT tidak boleh dibenarkan sebagai potongan jika tidak dinyatakan atau diperuntukkan dalam perjanjian PLT. Walau apa juga situasinya, saraan atau bayaran seumpamanya tetap tertakluk kepada cukai pendapatan individu tersebut.
- (c) Saraan yang akan dibayar kepada pekongsi hendaklah didokumenkan dalam perjanjian PLT. Oleh itu jika berlaku perubahan pekongsi dalam suatu PLT, di mana pekongsi baru akan dibayar saraan, PLT perlu menyediakan perjanjian tambahan atau apa-apa dokumen untuk merekodkan perubahan bayaran saraan tersebut.

Contoh 2

Sebuah perniagaan PLT, XYZ PLT memulakan perniagaan pada 1/1/2020

Dengan 3 orang pekongsi yang setiap seorang menerima bayaran saraan sebanyak RM10,000 sebulan. Butiran saraan dan keuntungan XYZ PLT diringkaskan seperti berikut :

Keuntungan PLT selepas belanja operasi	2 500 000
Saraan dibayar	360 000

Sekiranya, saraan didokumenkan dalam perjanjian PLT :

Pendapatan bercukai XYZ PLT	2 500 000
Amaun saraan pekongsi	360 000
Amaun layak kena cukai	2 140 000

Sekiranya, saraan tidak didokumenkan dalam perjanjian PLT :

Pendapatan bercukai XYZ PLT	2 500 000
Amaun saraan pekongsi	360 000
Amaun layak kena cukai	2 860 000

10.3 Perbelanjaan pemerbadanan

PLT yang mempunyai modal yang dibenarkan tidak melebihi RM2.5 juta boleh dibenarkan potongan berhubung dengan perbelanjaan pemerbadanannya bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran seperti yang telah ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Pemerbadanan) 2003 [P.U.(A) 475/2003] dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Pemerbadanan)(Pindaan) 2005 [P.U.(A) 472/2005]. Untuk keterangan lanjut sila rujuk KU No. 11/2013 bertarikh 18 November 2013.

10.4 Kerugian dan elaun modal

Jika perkongsian atau syarikat bertukar kepada PLT selaras dengan seksyen 29 atau 30 APLT seperti dinyatakan di perenggan 8.1, PLT tersebut dianggap menjalankan perniagaan yang berterusan. Layanan berkenaan kerugian dan elaun modal adalah seperti berikut:

(a) Kerugian larasan

Subseksyen 44(5E) ACP memperuntukkan jika perkongsian atau syarikat bertukar kepada suatu PLT mengikut seksyen 29 atau 30 APLT, jumlah yang ditentukan di bawah subseksyen 44(4) atau (5) ACP bagi mana-mana tahun berkenaan, berkaitan dengan perkongsian atau syarikat hendaklah dibenarkan untuk tujuan menentukan pendapatan agregat bagi PLT bagi suatu tahun taksiran berikutan tahun berkenaan.

Oleh itu amaun kerugian tahun semasa yang tidak dapat diserap sepenuhnya sebagai suatu potongan daripada pendapatan agregat perkongsian atau syarikat kerana ketiadaan pendapatan agregat atau kerugian tahun asas melebihi pendapatan agregat, boleh dibenarkan untuk menentukan pendapatan agregat bagi PLT bagi tahun taksiran berikutan tahun taksiran berkenaan.

Walau bagaimanapun, subseksyen 44(5F) ACP telah menghadkan tempoh tuntutan kerugian larasan sesuatu PLT yang tidak dapat diserap dalam sesuatu tahun boleh di bawa ke hadapan. Baki kerugian perniagaan terkumpul yang tidak dapat diserap boleh di bawa ke hadapan tetapi terhadap kepada tempoh 10 tahun taksiran mulai TT 2019 sehingga TT 2028 di bawah subseksyen 43(2) ACP. Ini bermakna rugi tahun semasa perniagaan PLT bagi TT 2019 boleh di bawa ke hadapan mulai TT 2020 sehingga TT 2029. Manakala kerugian bawa hadapan perniagaan PLT sehingga TT 2018 boleh di bawa hadapan mulai TT 2019 sehingga TT 2028.

(b) Elaun Modal

- (i) Elaun modal di bawah Jadual 3 ACP tidak boleh diserap sepenuhnya sekiranya tidak terdapat pendapatan larasan atau pendapatan larasan tidak mencukupi untuk menyerap elaun tersebut. Apa-apa elaun yang tidak dapat diserap bagi suatu tahun taksiran tersebut boleh dihantar hadapan ke tahun taksiran berikutnya.
- (ii) PLT tidak layak untuk menuntut elaun modal ke atas aset yang telah dipindahkan semasa pertukaran perniagaan perkongsian atau syarikat kepada PLT sekiranya elaun modal aset tersebut telah dituntut oleh pekongsi atau syarikat dalam tahun taksiran yang sama pertukaran entiti berlaku. PLT hanya layak menuntut elaun modal ke atas aset yang dipindahkan dalam tahun taksiran berikutnya.

(c) Perbelanjaan layak untuk aset yang diambilalih oleh PLT

Apabila perkongsian atau syarikat bertukar kepada PLT maka aset yang dipindahkan kepada PLT dianggap sebagai pelupusan terkawal. Perbelanjaan layak ke atas aset yang diambil alih oleh PLT adalah mengikut perenggan 39 dan 40 Jadual 3 ACP di mana amaun baki perbelanjaan aset akan diambil sebagai perbelanjaan modal yang layak untuk tujuan tuntutan elaun modal oleh PLT dan bukannya harga pasaran atau harga jualan aset yang dilakukan (jika ada).

Contoh 3

Teguh Jaya Sdn Bhd (tutup akaun pada 31 Disember) telah bertukar kepada Teguh Jaya PLT selaras dengan seksyen 30 APLT pada 1.1.2020 dan tarikh tutup akaun dikekalkan pada 31 Disember.

Maklumat pendapatan Teguh Jaya Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2019 adalah seperti berikut:

Perniagaan 1	RM
Kerugian larasan	(98,000)
Kenaan imbalan	25,000
Elaun modal	45,000
Perniagaan 2	
Pendapatan larasan	10,000

Elaun modal	33,000
Pendapatan berkanun faedah	15,000

Jumlah pendapatan Teguh Jaya Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2019 adalah seperti berikut:

Perniagaan 1		RM	RM
Pendapatan larasan	(Rugi 98,000)	Tiada	
Tambah: Kenaan Imbangan		25,000	
		25,000	
Tolak: Elaun modal	Terhad kepada 25,000	25,000	
	Elaun modal h/h 20,000		
Pendapatan berkanun			Tiada
Perniagaan 2			
Pendapatan larasan		10,000	
Tolak: Elaun modal	Terhad kepada 10,000	10,000	
	Elaun modal h/h 23,000		
Pendapatan berkanun			Tiada
Pendapatan berkanun faedah			15,000
Pendapatan agregat			15,000
Tolak:			
Rugi tahun asas	Rugi terhad 15,000		15,000
	Rugi h/h 83,000		
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai			Tiada

- (i) Teguh Jaya PLT dianggap menjalankan perniagaan yang berterusan dari Teguh Jaya Sdn Bhd. Kerugian yang tidak dapat diserap RM83,000, elaun modal yang tidak dapat diserap RM 20,000 daripada perniagaan 1 dan RM 23,000 daripada perniagaan 2 oleh Teguh Jaya Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2019 boleh di hantar hadapan ke tahun taksiran 2020 dan berikutnya dan dibenarkan tolakan daripada pendapatan Teguh Jaya PLT.
- (ii) Borang C terakhir yang perlu dihantar oleh Teguh Jaya Sdn Bhd adalah untuk tahun taksiran 2019 (tempoh asas 1.1.2019 hingga 31.12.2019).
- (iii) Teguh Jaya PLT perlu mengemukakan Borang PT mulai tahun taksiran 2020 (tempoh asas 1.1.2020 hingga 31.12.2020).

Contoh 4

Jati Diri Sdn Bhd (tutup akaun pada 31 Disember) telah bertukar kepada Jati Diri PLT selaras dengan seksyen 30 APLT pada 1.7.2020 dan tarikh tutup akaun ditukar kepada 30 Jun.

Jati Diri Sdn Bhd	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Penyata akaun terakhir (1.1.2020 – 30.6.2020)	1.1.2020 – 30.6.2020	2020
Jati Diri PLT	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Penyata akaun pertama (1.7.2020 – 30.6.2021)	1.7.2020 – 30.6.2021	2021

- (i) Borang C terakhir yang perlu dihantar oleh Jati Diri Sdn Bhd adalah untuk tahun taksiran 2020 (tempoh asas 1.1.2020 hingga 30.6.2020). Borang C tahun taksiran 2020 hendaklah dikemukakan dalam tempoh tujuh (7) bulan daripada tarikh penutupan tempoh perakaunan yang merupakan tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran iaitu sebelum atau pada 31.1.2021.

- (ii) Jati Diri PLT perlu mengemukakan Borang PT mulai tahun taksiran 2021 (tempoh asas 1.7.2020 hingga 30.6.2021). Borang PT tahun taksiran 2021 hendaklah dikemukakan sebelum atau pada 31.1.2022.

Contoh 5

Seri Cahaya Sdn Bhd (tutup akaun 31 Disember) bertukar kepada Seri Cahaya PLT pada 1.7.2021 dan akaun pertama Seri Cahaya PLT ditutup pada 30 Jun 2022 (12 bulan). Seri Cahaya Sdn Bhd menuntut elaun modal dalam tahun taksiran 2020 (1.1.2020 sehingga 30. 6.2020) dan terdapat baki elaun modal yang tidak dapat diserap.

Seri Cahaya Sdn Bhd	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Penyata akaun terakhir (1.1.2021 – 30.6.2021)	1.1.2021 – 30.6.2021	2021
Seri Cahaya PLT	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Penyata akaun pertama (1.7.2021 – 30.6.2022)	1.7.2021 – 30.6.2022	2022

31/12/2020

30/06/2021

30/06/2022

TT 2020	TT 2021	TT 2022
Seri Cahaya Sdn Bhd		Seri Cahaya PLT

Kesemua elaun modal yang
tidak dapat diserap oleh Seri
Cahaya Sdn Bhd di hantar
kepada Seri Cahaya PLT

Seri Cahaya PLT layak menuntut
kesemua elaun modal

Contoh 6

Perkongsian Che Rose (tutup akaun 31 Disember) telah bertukar kepada Che Rose PLT selaras dengan seksyen 29 APLT pada 1.1.2020 dan tarikh tutup akaun dikekalkan pada 31 Disember. Chee, Sani dan Rosnah adalah pekongsi Perkongsian Che Rose.

Maklumat berhubung Perkongsian Che Rose bagi tempoh 1.1.2019 hingga 31.12.2019 adalah seperti berikut:

	RM
Kerugian yang boleh dibahagikan	(110,000)
Gaji pekongsi	60,000
Pendapatan faedah pekongsi	15,000
Elaun modal	40,000

- (i) Nisbah pembahagian keuntungan bagi Chee, Sani dan Rosnah adalah sebanyak 1/4, 1/4 dan 2/4 masing-masing.
- (ii) Gaji pekongsi: Chee menerima RM 40,000 dan Sani RM 20,000.
- (iii) Pendapatan faedah di kongsi sama rata.

Agihan pendapatan yang boleh dibahagikan dan pengiraan pendapatan berkanun bagi setiap pekongsi bagi tahun taksiran 2019 adalah seperti berikut:

Pekongsi/ Manfaat	Chee	Sani	Rosnah
Gaji	40,000	20,000	Tiada
Faedah	5,000	5,000	5,000
Pendapatan yang boleh dibahagikan	Tiada	Tiada	Tiada
	45,000	25,000	5,000
Tolak:			
Kerugian yang boleh dibahagikan	(27,500)	(27,500) Terhad (25,000)	(55,000) Terhad (5,000)
Pendapatan larasan	17,500	Tiada	Tiada

		(Rugi h/h 2,500)	(Rugi h/h 50,000)
Tolak:			
Elaun modal	10,000	10,000 Tiada	20,000 Tiada
Pendapatan berkanun/Jumlah Pendapatan	7,500	Tiada	Tiada

- (i) Borang P terakhir yang perlu di hantar oleh Perkongsian Che Rose adalah bagi tahun taksiran 2019 (tempoh asas 1.1.2019 hingga 31.12.2019).
- (ii) Che Rose PLT perlu mengemukakan Borang PT mulai tahun taksiran 2020 (tempoh asas 1.1.2020 hingga 31.12.2020).
- (iii) Selepas agihan kerugian dan elaun modal dibuat kepada setiap pekongsi menurut subseksyen 55(3) ACP, pekongsi boleh menentukan sebahagian atau keseluruhan amaun kerugian dan elaun modal yang akan di hantar hadapan kepada Che Rose PLT bagi tahun taksiran 2020 dan berikutnya. Kerugian dan elaun modal yang boleh dihantar hadapan ke tahun taksiran 2020 adalah seperti berikut:

	Sani RM	Rosnah RM	Jumlah RM
Kerugian h/h	2,500	50,000	52,500
Elaun modal h/h	10,000	20,000	30,000

Pekongsi perlu menyimpan rekod di atas bagi membuktikan amaun kerugian dihantar hadapan dan elaun modal dihantar hadapan ke perniagaan Che Rose PLT tersebut. Orang yang menyediakan pengiraan cukai Che Rose PLT dikehendaki menyimpan dokumen/rekod kerugian dan elaun modal yang di hantar hadapan oleh pekongsi perkongsian untuk tujuan semakan pegawai audit Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Contoh 7

Perkongsian Senang Hati (tutup akaun 31 Disember) bertukar kepada Senang Hati PLT pada 1.7.2020 dan akaun pertama PLT ditutup pada 31 Disember 2020 (6 bulan). Pekongsi menuntut elaun modal dalam tahun taksiran 2020 (1.1.2020 sehingga 30.6.2020) dan terdapat baki elaun modal yang tidak dapat diserap.

Perkongsian Senang Hati	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Penyata akaun terakhir (1.1.2020 – 30.6.2020)	1.1.2020 – 30.6.2020	2020
Senang Hati PLT	Tempoh Asas	Tahun Taksiran
Penyata akaun pertama (1.7.2020 – 31.12.2020)	1.7.2020 – 31.12.2020	2020

31/12/2019	30/06/2020	31/12/2020
TT 2019	TT 2020	TT 2020
Perkongsian Senang Hati		Senang Hati PLT

Kesemua elaun modal yang tidak dapat diserap oleh pekongsi dihantar kepada Senang Hati PLT

Senang Hati PLT tidak layak menuntut elaun modal yang dihantar hadapan daripada Perkongsian Senang Hati dalam TT 2020. PLT layak menuntut kesemua elaun modal dalam TT 2021.

Walau bagaimanapun, sekiranya pekongsi tidak menuntut elaun modal dalam TT 2020, PLT layak menuntut elaun modal tersebut dalam TT 2020.

10.5 Elaun khas bagi aset bernilai kecil

Perenggan 19A(1) Jadual 3 ACP memperuntukkan bahawa kadar elaun modal khas bagi aset bernilai kecil boleh dibenarkan kepada PLT untuk menggantikan kadar elaun modal biasa yang diperuntukkan di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP. Elaun khas bagi aset bernilai kecil ini adalah bersamaan dengan amaun perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan ke atas aset bernilai kecil. Peruntukan am berkenaan elaun modal yang diperuntukkan dalam Jadual 3 ACP hendaklah dipatuhi bagi membolehkan seseorang layak menuntut elaun khas di bawah perenggan 19A(1), Jadual 3 ACP. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Ketetapan Umum No.3/2021 Elaun Khas Bagi Aset Bernilai Kecil bertarikh 21 Julai 2021 di portal rasmi LHDNM.

10.6 Agihan keuntungan kepada pekongsi

PLT boleh mengagihkan keuntungan kepada pekongsi. Perenggan 12C Jadual 6 ACP memperuntukkan bahawa keuntungan yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada pekongsi PLT adalah dikecualikan cukai. Tiada cukai pegangan atas keuntungan yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada pekongsi.

10.7 Pertukaran tempoh perakaunan PLT

PLT hendaklah memaklumkan KPHDN jika berlaku pertukaran tempoh perakaunannya. PLT dibenarkan untuk menukar tempoh perakaunan dengan mengemukakan borang CP204B dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 21A(3A) ACP. Tempoh yang ditetapkan adalah seperti berikut:

(i) Tempoh perakaunan dipendekkan (akaun baharu kurang 12 bulan)

Borang CP204B perlu dikemukakan dalam masa 30 hari sebelum berakhirnya perakaunan baharu.

Contoh 8

Perkongsian Kayu Cengal menukar tarikh penutupan akaun perniagaannya daripada 31 Disember kepada 30 September. Tempoh perakaunan bagi TT 2022 adalah daripada 1.1.2022 hingga 31.12.2022. Tempoh perakaunan selepas pindaan (perakaunan baharu) bagi TT 2022 adalah 1.1.2022 sehingga 30.9.2022 (9 bulan).

Borang CP204B perlu dikemukakan kepada KPHDN selewat-lewatnya 30.8.2022 (30 hari sebelum berakhir tempoh perakaunan baharu iaitu 30.9.2022). Tempoh asas bagi TT2023 bermula pada 01.10.2022.

- (ii) Tempoh perakaunan dipanjangkan (akaun baharu melebihi 12 bulan)

Borang CP204B perlu dikemukakan dalam masa 30 hari sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan asal.

Contoh 9

Perkongsian Seri Indah menukar tarikh penutupan akaun perniagaannya daripada 31 Mac kepada 31 Disember. Tempoh perakaunan asal bagi TT 2022 adalah 01.04.2021 hingga 31.03.2022. Tempoh perakaunan baru bagi TT 2022 adalah 01.04.2021 hingga 31.12.2022 (21 bulan). Borang CP204B perlu dikemukakan kepada KPHDN selewat-lewatnya pada 28.02.2022.

10.8 Pengemukakan anggaran cukai/pindaan cukai kena dibayar

- (a) PLT dikehendaki mengemukakan anggaran cukai kena dibayar dan membuat bayaran ansuran seperti yang telah diperuntukkan dalam seksyen 107C ACP. PLT yang bertukar daripada syarikat atau perkongsian adalah tidak terkecuali daripada mengemukakan anggaran cukai dan membayar anggaran cukai secara ansuran seperti yang dikehendaki di bawah subseksyen 107C(4A) ACP kerana perniagaan adalah dianggap berterusan daripada syarikat atau perkongsian.

Anggaran cukai yang kena dibayar bagi suatu tahun taksiran oleh suatu PLT hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan iaitu Borang Anggaran Cukai Kena Dibayar (Borang CP204) dan dikemukakan kepada KPHDN melalui medium elektronik tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi tahun taksiran itu. Anggaran cukai yang kena dibayar yang telah dikemukakan hendaklah dibayar secara ansuran bulanan yang sama yang ditentukan mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan.

Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar oleh PLT boleh dibuat pada bulan ke-6 atau ke-9 atau kedua-duanya dalam suatu tempoh asas untuk suatu TT dengan menggunakan Borang Pindaan Amaun Anggaran Cukai (Borang CP204A) melalui medium elektronik.

PLT dikehendaki mematuhi pembayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP melalui CP204 dan CP204A. Kegagalan mematuhi pembayaran ansuran ini akan mengakibatkan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(9) dan 107C(10) ACP.

- (b) PLT yang layak menikmati kadar cukai istimewa bagi setiap RM 600,000 pertama pendapatan bercukai seperti yang dinyatakan dalam perenggan 10.1(b) KU ini adalah juga dikehendaki mengemukakan anggaran cukai seperti yang dinyatakan di atas.

Untuk maklumat lanjut berhubung perenggan 10.7,10.8 (a) dan 10.8(b), sila rujuk Ketetapan Umum No.6/2021 Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan Syarikat/Perkongsian Liabiliti Terhad/Badan Amanah/Koperasi di portal rasmi LHDNM.

- (c) Subseksyen 107C(4A) ACP memberikan kelonggaran kepada syarikat yang baru memulakan perniagaan yang mempunyai modal berbayar kurang daripada RM 2.5 juta untuk dikecualikan daripada mengemukakan anggaran cukai.

Walaupun bagaimanapun subseksyen 107C (4A) ACP ini tidak terpakai kepada syarikat baru yang mempunyai modal berbayar kurang daripada RM 2.5 juta bertukar kepada PLT baru yang mempunyai sumbangan modal sebanyak RM 2.5 juta (walaupun perniagaan dianggap berterusan) dan juga bagi PLT yang baru memulakan perniagaan yang mempunyai modal berbayar kurang daripada RM 2.5 juta.

10.9 Taksiran berkaitan dengan tahun-tahun taksiran sebelum sesuatu perkongsian atau syarikat bertukar kepada PLT

Tiap-tiap perkongsian sesuatu perkongsian boleh terus ditaksir dan dikenakan cukai bagi mana-mana tahun taksiran sebelum perkongsian tersebut bertukar kepada PLT. Bagi syarikat yang bertukar kepada PLT, PLT itu akan ditaksir dan dikenakan cukai bagi mana-mana tahun taksiran sebelum penukaran.

Apa-apa taksiran yang dikaitkan dengan pendapatan perkongsian atau syarikat sebelum bertukar kepada PLT dibuat seperti berikut –

Jenis perniagaan sebelum bertukar kepada PLT –	Taksiran dibuat atas nama –
(i) Perkongsian	Setiap ahli kongsi dalam perkongsian sebelum bertukar kepada PLT

(ii) Syarikat	PLT
---------------	-----

Contoh 10

Perkongsian Juicy Fruity (akaun berakhir 31 Disember) telah bertukar kepada Juicy Fruity PLT pada 1.1.2020. Tarikh tutup akaun dikekalkan pada 31 Disember.

Ahli kongsi yang terdiri daripada Airin, Aishah and Adrina masih kekal selepas perkongsian bertukar kepada PLT. Semakan audit meja pada perkongsian dijalankan pada 30.4.2021 dan didapati pendapatan tahun taksiran 2019 berkurang dilaporkan oleh perkongsian. Pengiraan cukai bagi perkongsian dan agihan pendapatan yang boleh dibahagikan bagi setiap ahli kongsi untuk tahun 2019 telah disemak semula.

Taksiran pindaan bagi tahun taksiran 2019 telah dibuat ke atas setiap ahli kongsi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 75B(3)(a) ACP.

Contoh 11

Dobi Sunshine Sdn Bhd (akaun berakhir 31 Disember) bertukar kepada Dobi Sunshine PLT pada 1.7.2020. Berdasarkan semakan audit oleh pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ke atas Dobi Sunshine Sdn Bhd pada 1.3.2021, didapati pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2019 perlu dipinda.

Taksiran pindaan bagi tahun taksiran 2019 dibuat atas nama Dobi Sunshine PLT sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 75B(3)(b) ACP.

11. Layanan Cukai ke atas Pekongsi Perkongsian Liabiliti Terhad

- 11.1 Pekongsi tidak dikenakan cukai ke atas pembahagian pendapatan daripada PLT (sama ada diagihkan atau tidak). Pekongsi individu dikenakan cukai ke atas saraan, perkuisit dan manfaat berupa barangan yang diterima daripada PLT.
- 11.2 Jika terdapat bayaran kepada pekongsi selain daripada individu, bayaran tersebut tidak dianggap sebagai saraan. Oleh itu peruntukan yang berhubung dengan sekatan ke atas potongan bagi saraan pekongsi seperti yang dinyatakan dalam perenggan 10.2 KU ini adalah tidak terpakai. Bayaran (bukan agihan pendapatan) tersebut adalah tertakluk kepada cukai pendapatan ke atas orang berkenaan. Pendapatan tersebut sama ada ditaksir sebagai laba/keuntungan di bawah perenggan 4(a) ACP atau perenggan 4(f) ACP adalah bergantung kepada jenis pendapatan yang diterima.

12. Kredit Dua Belah Pihak dan Kredit Sebelah Pihak

- 12.1 Kredit cukai dua belah pihak layak dituntut oleh PLT yang bermastautin di Malaysia apabila sejumlah pendapatan dikenakan cukai dua kali untuk satu tahun taksiran yang sama iaitu dikenakan cukai di negara di mana punca terbit dan sekali lagi di negara di mana PLT bermastautin, dan Malaysia mengadakan perjanjian pengelakan cukai dua kali dengan negara tersebut.
- 12.2 Kredit cukai sebelah pihak layak dituntut oleh PLT yang bermastautin di Malaysia apabila sejumlah pendapatan dikenakan cukai dua kali untuk satu tahun taksiran yang sama, iaitu dikenakan cukai di negara di mana punca terbit dan dikenakan cukai sekali lagi di Malaysia, dan Malaysia tidak mengadakan sebarang perjanjian pengelakan cukai dua kali dengan negara berkenaan.
- 12.3 Berdasarkan kepada perenggan 28, Jadual 6, ACP 1967 [Akta 53] yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022, menjelaskan bahawa pendapatan yang terbit daripada sumber luar Malaysia dan diterima di Malaysia oleh mana-mana orang yang bukan bermastautin di Malaysia adalah dikecualikan cukai.

13. Pindaan dan Pengemaskinian

	Pindaan								
KU ini menggantikan KU No. 5/2015 bertarikh 14.08.2015	Kandungan KU ini telah dipinda seperti berikut:								
	<table><tr><td>Perenggan</td><td>Penerangan</td></tr><tr><td>4.4(b)</td><td>Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.</td></tr><tr><td>4.5(d)(iii)</td><td>Pelantikan pegawai pematuhan daripada kalangan pekongsinya dan syarat-syarat yang terpakai.</td></tr><tr><td>7.1(c)</td><td>Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.</td></tr></table>	Perenggan	Penerangan	4.4(b)	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.	4.5(d)(iii)	Pelantikan pegawai pematuhan daripada kalangan pekongsinya dan syarat-syarat yang terpakai.	7.1(c)	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.
	Perenggan	Penerangan							
	4.4(b)	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.							
	4.5(d)(iii)	Pelantikan pegawai pematuhan daripada kalangan pekongsinya dan syarat-syarat yang terpakai.							
7.1(c)	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.								

	7.2(b)	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.
	10.1(a)	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.
	10.1(b)	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.
	10.2	Kemaskini contoh 2 KU yang dinyatakan dalam perenggan.
	10.2(b)	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.
	10.4(a)	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.
	10.5	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.
	10.7	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.
	10.8 (a) hingga (c)	Kemaskini KU yang dinyatakan dalam perenggan.

14. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**